



Siri N^o 3166

**KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA
MALAYSIA**

SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BIL: 1 TAHUN 1993

**KEMUDAHAN RAWATAN PERUBATAN UNTUK
IBU BAPA YANG SAH**

TUJUAN

1.1. Surat Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan memberi penjelasan mengenai peraturan dan kaedah pelaksanaan kemudahan rawatan perubatan untuk ibu bapa yang sah bagi pegawai yang menerima opsyen Sistem Saraan Baru (SSB).

LATAR BELAKANG

2.1. Pekeliling Perkhidmatan Bil. 9 Tahun 1991, perenggan 58.6, telah menyediakan kemudahan rawatan perubatan kepada ibu bapa yang sah seseorang pegawai yang menerima opsyen SSB dan sedang berkhidmat di dalam sektor awam. Rawatan tersebut dihadkan kepada rawatan di hospital atau klinik Kerajaan sahaja dan tidak termasuk kemudahan membekalkan alat-alat orthopedik serta anggota palsu (*artificial limbs*).

KAEDAH PELAKSANAAN KEMUDAHAN

Tafsiran

3.1. Ibu bapa yang sah (*legal parents*) bererti ibu bapa kandung atau ibu tiri atau bapa tiri atau ibu bapa angkat yang pertalian kekeluargaan adalah sah di sisi undang-undang. Kemudahan ini dihadkan kepada seorang ibu yang sah dan seorang bapa yang sah sahaja pada satu-satu masa.

Kaedah Pelaksanaan

3.2. Pemberian kemudahan ini adalah untuk ibu bapa yang sah yang bermastautin di Malaysia sahaja dan tertakluk kepada peraturan-peraturan berikut:

3.2.1. seseorang pegawai hendaklah memaklumkan secara rasmi kepada Ketua Jabatan maklumat peribadi ibu bapa yang sah yang layak mendapat kemudahan ini. Maklumat ini hendaklah dicatatkan di muka surat 3 dalam Buku Perkhidmatan pegawai berkenaan seperti berikut:

Nama Bapa : _____

No. KP. : _____

Nama Ibu : _____

No. KP. : _____

Sebarang perubahan terhadap maklumat ini hendaklah dimaklumkan secara rasmi semula kepada Ketua Jabatan.

- 3.2.2. surat pengesahan daripada Ketua Jabatan seseorang pegawai seperti yang ditetapkan di dalam Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2 Tahun 1993 hendaklah dikemukakan kepada pihak hospital atau klinik Kerajaan yang berkenaan semasa ibu bapa yang sah ingin mendapatkan rawatan perubatan. Ketua Jabatan adalah bertanggungjawab menentukan butir-butir yang dinyatakan di dalam surat pengesahan adalah mengikut maklumat-maklumat yang tercatat di dalam Buku Perkhidmatan pegawai;
- 3.2.3. kemudahan ini hanya diberi kepada ibu bapa yang sah selagi seseorang pegawai masih di dalam perkhidmatan Kerajaan;
- 3.2.4. kelayakan wad adalah sama seperti kelayakan wad yang ditetapkan kepada pegawai berkenaan; dan
- 3.2.5. ibu bapa yang sah yang terdiri daripada pesara Kerajaan boleh memilih untuk menggunakan kemudahan rawatan perubatan mengikut kelayakannya sebagai seorang pesara atau menggunakan kelayakan pegawai mengikut perbekalan Surat Pekeliling Perkhidmatan ini.

Rawatan Yang Dibenarkan

3.3. Rawatan percuma yang dibenarkan kepada ibu bapa yang sah adalah seperti berikut:

- 3.3.1. rawatan pesakit luar di hospital atau klinik Kerajaan;
- 3.3.2. rawatan pesakit dalam (*inpatient*) di hospital Kerajaan;
- 3.3.3. bekalan ubat-ubatan yang ada di dalam stor ubat Kerajaan;
- 3.3.4. rawatan kepakaran di hospital atau klinik swasta atas rujukan Pegawai Perubatan Kerajaan;
- 3.3.5. rawatan kecemasan di hospital atau klinik swasta;
- 3.3.6. rawatan berpanjangan bagi penyakit tertentu seperti penyakit buah pinggang yang memerlukan rawatan *haemodialysis*;
- 3.3.7. bekalan ubat-ubatan yang ada di dalam senarai ubat Kementerian Kesihatan tetapi tiada di dalam stor ubat Kerajaan dengan preskripsi Pegawai Perubatan Kerajaan;
- 3.3.8. bekalan ubat khas yang berdasarkan preskripsi oleh Pegawai Perubatan Kerajaan dengan kelulusan Kementerian Kesihatan;
- 3.3.9. kemudahan wad percuma bagi pesakit barah, tibi, kusta dan penyakit-penyakit merebak; dan
- 3.3.10. rawatan pergigian seperti kelayakan pegawai.

Rawatan Yang Tidak Dibenarkan

3.4. Kemudahan-kemudahan berikut tidak diberikan secara percuma kepada ibu bapa yang sah:

- 3.4.1. rawatan perubatan di luar negeri;
- 3.4.2. rawatan bagi tujuan pencegahan penyakit;
- 3.4.3. pembekalan alat-alat ortopedik dan anggota palsu; dan
- 3.4.4. rawatan membuat *crowning*, gigi palsu dan rawatan otodontik bagi tujuan *corrective measures* yang merupakan rawatan kosmetik.

Tuntutan Bayaran Yang Dibenarkan


3.5. Perbelanjaan yang bersangkutan dengan kemudahan ini boleh juga dituntut seperti berikut:

- 3.5.1. seseorang pegawai boleh menuntut balik kos rawatan ibu bapa yang sah yang dikenakan oleh mana-mana hospital atau klinik Kerajaan pada tahun 1992. Tuntutan ini hendaklah berdasarkan resit dan hendaklah ditolak bayaran caj wad yang dikenakan kepada pegawai atas kadar kelayakannya; dan
- 3.5.2. seseorang pegawai dibenarkan menuntut bayaran balik perbelanjaan membeli ubat-ubatan berdasarkan resit mengikut peruntukan di perenggan 3.3.7 dan 3.3.8.

TARIKH KUATKUASA

4.1. Surat Pekeliling Perkhidmatan ini berkuatkuasa mulai 1 Januari 1992.

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "


(HAJI ABDUL HALIM BIN ABDUL SALAM)
Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,
Malaysia.

17 September 1993.

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

s.k.

Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Ketua Pengurusan Badan Berkanun

Semua Ketua Pengurusan Kuasa Tempatan